

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20 JULY 2017

# Pemuda UMNO tuntut penjelasan bekas PM berkenaan Anwar

BH - 20/7/2017  
Pg. 8

Keratan akhbar BH  
pada 17 Julai 2017.



**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad perlu menjelaskan sama ada beliau masih kekal dan konsisten dengan kenyataannya bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah melakukan perbuatan di luar tabii seperti didakwanya pada 1998.

EXCO Pemuda UMNO, Nazir Hussin Akhtar Hussin, berkata penjelasan bekas Perdana Menteri itu wajar memandangkan rakyat kini sangsi sehingga ia dilihat hanya mainan dan sandiwara politik yang tiada keikhlasan.

Beliau berkata, jika perlu, Dr Mahathir boleh bersumpah di hadapan al-Quran bahawa tindakan beliau pada 1998 hanya pembohongan belaka dan semata-mata untuk menyelamatkan politiknya.

“Kami berharap Dr Mahathir mencerminkan diri beliau terlebih dulu sebelum ghairah mahu membogelkan pihak lain. Kami juga harap Dr Mahathir berehat sahaja daripada politik kerana usianya yang hampir satu abad.

Menyentuh program debat Nothing To Hide 2.0 anjuran

sayap pemuda Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), beliau menyifatkan ia muslihat Dr Mahathir untuk menunjukkan kehebatannya beretorik.

### Program tidak beri faedah

Sedangkan kata Nazir, program itu sama sekali tidak memberi faedah kepada rakyat, malah membuang masa.

Beliau juga menjelaskan, isu yang mahu dibangkitkan pengurusan pakatan pembangkang itu sudah pun dijawab berkali-kali, sama ada oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sendiri

ataupun pihak berkaitan.

“Tidak guna berdebat kerana tidak akan mencapai apa-apa matlamat dan sia-sia. Penganjuran program ini tidak membantu menyelesaikan masalah rakyat.

“Lebih baik jika Dr Mahathir menggunakan program ini untuk menjawab dakwaan daripada Exco Armada, Muhammad Hafiz Azhar.

“Terutama mengenai kekayaan luar biasa anak beliau dan juga skandal Nika Ghee oleh Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin,” katanya dalam kenyataan, semalam.